



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

JABATAN KEWANGAN HCTM • FINANCE DEPARTMENT OF HCTM

Rujukan : UKM HTM.3/224/2/3
Tarikh : 6 Disember 2023

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 16/ 2023

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg.Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KOMITMEN YANG BELUM DIBAYAR/ DIBEKAL DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

Untuk makluman pihak YBhg.Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Jabatan Kewangan akan melaksanakan proses pembayaran bil-bil tertunggak dan berdasarkan rekod, terdapat komitmen yang masih belum dibuat pembayaran dan/ atau masih belum dibekal.

Senarai Pesanan Rasmi yang masih belum dibayar/ dibekal sehingga 30 November 2023 akan diedarkan secara berperingkat ke Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat. PTj yang terlibat hendaklah mengambil tindakan sebelum **11 Disember 2023** seperti berikut:-

- Bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang telah disempurnakan** - Dokumen bayaran yang lengkap perlu diserahkan ke Jabatan Kewangan (Pesanan rasmi, bil-bil dan dokumen sokongan bayaran yang telah disahkan) atau mengesahkan penerimaan barang di sistem ePerolehan (eP@UKM) sebagaimana kehendak ***Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 tahun 2006 berkaitan Arahan Perbendaharaan (AP) 103. (a) – bil dan tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna.***
- Bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang telah disempurnakan tetapi masih belum mendapat dokumen** - PTj perlu memaklumkan kepada syarikat untuk melengkapkan dokumen atau memuatnaik dokumen di eP@UKM.
- Bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang masih belum diterima** – Syarikat perlu dimaklumkan supaya menyegerakan pembekalan (tertakluk kepada ruang sedia ada dan paras stok yang ditetapkan).



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

BAHAGIAN BAYARAN & KAWALAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 – 9145 5239/ 9290
Laman Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

- iv. **Pesanan Rasmi (PR) yang perlu dibatalkan/ ditamatkan** - Senarai PR hendaklah diserahkan ke Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, HCTM untuk tindakan.

Pemakluman ini adalah termasuk bekalan/ perkhidmatan/ kerja tanpa pesanan rasmi yang mana dokumen bayaran yang lengkap hendaklah diserahkan ke Jabatan Kewangan mengambilkira perbelanjaan ini adalah bagi pembekalan yang telah disempurnakan oleh syarikat.

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini sila hubungi Puan Nurul Firdaus/ Puan Nabilah di talian 5239/ 9290. Kerjasama dan perhatian YBhg.Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP C.A.(M)

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2015

Cert. No. : QMS01547

BAHAGIAN BAYARAN & KAWALAN, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603 – 9145 5239/ 9290
Laman Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my